

## **PERENGGU MINDA MELAYU DALAM LIRIK LAGU: SATU ANALISIS MAKNA**

*(Malay Mindset in Lyrics: The Analysis of Meaning)*

Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria

### **ABSTRAK**

Perenggu minda melayu dapat dilihat dalam pelbagai khazanah bahasa Melayu. Kajian ini mengkhusus kepada penganalisan makna yang terkandung dalam lirik lagu Melayu untuk membolehkan kita melihat bentuk pemikiran orang Melayu. Bidang semantik mengkaji dan menganalisis makna perkataan dan ayat. Perkataan merupakan unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Bahasa dan masyarakat tidak dapat dipisahkan kerana anggota masyarakat perlu saling berhubungan, dan bahasa adalah medium yang paling berkesan untuk menyampaikan makna. Bahasa dalam lirik lagu juga sangat penting dalam menyampaikan makna kepada pendengar. Makna yang terdapat dalam lirik lagu adalah pengertian yang bukan sahaja muncul daripada bahasa yang disusun dan digunakan, bahkan mempunyai perkaitan dengan bentuk pemikiran penulis lirik lagu tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis jenis-jenis makna perkataan dan kategori gaya berfikir yang terdapat dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Nurhaliza. Kajian ini turut menghuraikan perkaitan antara jenis-jenis makna perkataan yang digunakan dengan pemikiran yang terserlah melalui lirik lagu-lagu tersebut. Kajian ini menggunakan data lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Nurhaliza daripada tahun 1996 hingga 2010 yang dipilih secara rawak bertujuan (*purposive sampling*). Kajian ini telah menggunakan pendekatan konsep tujuh jenis makna yang diperkenalkan oleh Geoffrey Leech (1974) dan model *Six Thinking Hats* yang dikemukakan oleh Edward De Bono (1992). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat enam jenis penggunaan makna daripada tujuh jenis yang telah dikemukakan oleh Leech (1974) iaitu makna konotatif, stilistik, afektif, reflektif, kolokatif dan tematik. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa keenam-enam skema warna topi atau gaya berfikir tersebut terserlah melalui bait-bait lagu yang diaplikasikan melalui penggunaan jenis-jenis skema berfikir tersebut. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa bait-bait lagu bukanlah hanya untuk menghibur tetapi turut bertujuan untuk mewujudkan suasana ketenangan, di samping mendidik para pendengar dengan pelbagai nilai murni. Lirik lagu Melayu dapat memberikan kita gambaran tentang perenggu minda Melayu.

**Kata Kunci:** Konsep tujuh jenis makna, pemikiran, perenggu minda, rawak bertujuan, Six Thinking Hats.

### **ABSTRACT**

*Malay mindset can be seen in the many treasures of the Malay language. This study focused on the analyzing of meaning contained in Malay song lyrics. This is to allow us to understand better the mindset the Malays. Semantic field study and analyze the meaning of words and sentences. Word is a unit of free speech that has its own meaning. Besides that, language and society are inseparable because they are connected with each other, that language is used by*

*the society to convey meaning to the listener. Language in song lyrics is very important to convey the meaning to the listeners. The meaning of the song lyrics is not limited in conveying meaning to the listener only, but also have connection with the song writers thinking. Therefore, this study is conducted to analyze the types of word's meaning and categories of thinking style in the song lyrics. The study also describes the relationship between the types of word's meaning and the lyricist thinking style. This study is using the data from the song lyrics sang by Dato' Siti Nurhaliza from 1996 to 2010 which is used purposive sampling. Moreover, this study is using the seven types of meaning concept and Six Thinking Hats theory which is introduced by Geoffery Leech (1974) and Edward De Bono (1992) respectively. The result shows that there are six out of seven types of meaning concept used in song writing; connotative, stylistic, affective, reflection, collocative and thematic. In addition, the findings also indicate that the six color scheme or six thinking style can be seen clearly through the verses of songs used as corpus data in this study. Malay song lyrics can give us an idea about the Malay mindset.*

*Keywords: Mindset, purposive sampling, seven types of meaning, Six Thinking Hats, thinking.*

## **PENDAHULUAN**

Penutur menyampaikan makna, hasrat atau pemikiran melalui bahasa. Bahasa merupakan wahana pemikiran dan medium penyampaian makna. Bahasa digunakan untuk pelbagai bentuk komunikasi harian bagi pelbagai tujuan penyampaian makna. Bidang semantik merupakan cabang disiplin ilmu linguistik yang mengkaji dan menganalisis makna perkataan dan ayat. Perkataan merupakan unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Menurut Abdullah Hassan (2005) semantik merupakan kajian tentang fenomena makna dalam bahasa. Dalam bahasa, manusia dapat menyatakan fikiran, pendapat, emosi, pelakuan dan keperibadian. Hal ini kerana, bahasa dan masyarakat tidak dapat dipisahkan kerana anggota masyarakat perlu saling berhubungan dan bahasa adalah medium untuk penyampaian makna (Junaini dan Nor Hashimah 2015). Bahasa dalam lirik lagu juga sangat penting dalam menyampaikan makna kepada pendengar. Lirik lagu terdiri daripada perkataan-perkataan yang disusun rapi untuk menimbulkan keindahan (Nik Safiah Karim 1994). Oleh itu, makna yang terdapat dalam lirik lagu adalah pengertian yang bukan sahaja muncul daripada bahasa yang disusun dan digunakan, bahkan mempunyai perkaitan dengan bentuk pemikiran penulis lirik lagu tersebut.

Menurut Suwardi (1991) pemikiran timbul daripada renungan atau pemerhatian terhadap alam. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa bahasa dan pemikiran merupakan unsur yang penting, dan tanpa bahasa segala fikiran yang abstrak dan kompleks tidak akan dapat dilahirkan atau disampaikan secara berkesan. Orang Melayu seringkali mengamalkan konsep berguru kepada alam. Fenomena yang berlaku dalam alam fauna atau alam flora seringkali dianalogikan untuk dijadikan kayu ukur dalam bertingkah laku (Hawa dan Zulkifley 2015). Dari sinilah mereka mencipta dan mengabadikan pelbagai khazanah bahasa dalam bentuk lagu, pepatah-petitih, pantun dan sebagainya. Kita dapat memahami perenggu minda orang Melayu dengan mengkaji khazanah bahasa yang tersimpan dalam pelbagai bentuk ini.

Khazanah bahasa ini memberikan kita gambaran tentang cara orang Melayu menilai pelbagai peristiwa sama ada yang bersifat zahir atau batin.

Bahasa juga merupakan alat penyerlah akal budi yang paling nyata dan berwibawa. Penelitian terhadap bahasa dan pemikiran adalah bertitik-tolak daripada pemerolehan bahasa dan makna, iaitu bagaimana manusia memberi makna kepada kata-kata dalam suatu bahasa (Asmah Haji Omar 1991). Makna pula merupakan idea atau konsep yang boleh dipindahkan daripada fikiran penutur kepada fikiran pendengarnya (Lyons, 1994). Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat jenis-jenis makna yang terdapat dalam lirik-lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Nurhaliza dan gaya berfikir yang terserlah di sebalik bait-bait lagu tersebut serta perkaitan antara kedua-dua aspek.

### **Permasalahan Kajian**

Secara umumnya, peredaran masa dan zaman boleh mengubah pelbagai aspek antaranya ialah isu bahasa. Isu bahasa ini pula, mempunyai perkaitan yang erat dengan pemikiran. Hal ini kerana, pemikiran bergantung pada bahasa. Tanpa bahasa, apa sahaja yang berada dalam fikiran tidak dapat diluahkan atau diungkapkan. Oleh itu, bahasa dalam lirik lagu juga perlu diberikan perhatian daripada aspek linguistik. Lirik lagu adalah wahana penyampaian makna, pemikiran dan tanggapan penulis lirik tentang perkara yang berlaku dalam kehidupan harian masyarakat. Pemikiran dan tanggapan penulis lirik akan disampaikan dalam bait-bait yang indah dan puitis.

Selain itu, berikutan dengan kejayaan penyanyi Dato' Siti Nurhaliza di dalam mahupun luar negara serta anugerah yang diberikan kepada penulis lirik-lirik tersebut, pengkaji akan meneliti dan menganalisis jenis-jenis makna dan gaya pemikiran yang digunakan dalam lirik-lirik tersebut kerana mendapat perhatian daripada semua lapisan masyarakat dan peringkat umur. Hal ini juga, tidak seperti lagu-lagu yang baru muncul dalam dunia hiburan yang hanya sementara. Pada permulaannya mendapat sambutan yang begitu hebat namun tidak kekal lama dalam dunia hiburan berbanding dengan lagu-lagu dahulu seperti nyanyian oleh Dato' Siti Nurhaliza yang tidak lekang dek zaman.

Penggunaan jenis-jenis makna dalam sesuatu lirik tidak boleh dianggap remeh. Hal ini kerana, melalui jenis-jenis tersebut, kita dapat melihat bagaimana penulis lirik cuba menginterpretasikan idea tersebut untuk disampaikan kepada pengguna. Apabila sesebuah lagu mengikut prinsip penciptaan sesebuah lagu, lagu tersebut akan meninggalkan kesan di hati pendengar jika lagu yang digubah oleh penggubah mempunyai sentuhan 'jiwa' dan 'segar'. Dengan demikian, lagu yang dapat menyampaikan mesej dengan berkesan akan dianggap berjaya.

Di Malaysia, belum banyak kajian tentang lirik lagu yang dikaji dari aspek linguistik. Kebanyakan kajian lebih ke arah kritikan-kritikan oleh pengkritik lagu sahaja. Contohnya, kritikan selalunya dibuat mengenai kesalahan sebutan sesuatu kata yang dilakukan oleh seseorang penyanyi. Bayu Angin (1996), pernah membuat kritikan mengenai kesalahan sebutan yang telah dilakukan oleh penyanyi Ziana Zain di dalam albumnya iaitu *Setia ku Di Sini*.

Menurut Habsah Hassan (dalam Sudirman Mohd Tahir, berita *online My Metro*, 2016), beliau mendapati lirik-lirik lagu hari ini kebanyakannya agak ringkas, dan ini adalah satu *trend*. Memang ada yang bagus tapi tiada nilai estetika. Apabila tiada nilai-nilai sedemikian, untuk bertahan lama agak susah. Memang lagu itu akan hits, tapi sejauh mana ia mampu kekal lama atau berada pada tahap *evergreen*. Seterusnya, merujuk kepada falsafah yang dipegang oleh seniman agong P. Ramlee yang mengatakan bahawa lagu dan irama tidak dapat dipisahkan. Kedua-dua aspek iaitu lagu dan irama adalah sama penting kerana ia menentukan kekuatan sesuatu karya seni. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pelbagai aspek kekuatan yang terdapat dalam lagu-lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Nurhaliza.

## **KOSA ILMU**

Pengkaji merujuk kepada kajian lepas yang berkaitan atau hampir sama dengan tajuk yang dilakukan iaitu berkaitan bidang semantik, pemikiran dan lirik lagu. Menurut Balnche dan Durrheim (1999), menyoroti kajian lepas melibatkan proses identifikasi dan analisis bahan-bahan penulisan berkaitan dengan masalah yang akan diselidiki. Berikut merupakan beberapa kajian lepas yang dijadikan rujukan oleh pengkaji.

Kajian yang memfokuskan kepada aspek makna telah dilakukan oleh Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim Salleh (2014). Kajian tersebut dijalankan untuk meneliti bait kata yang terdapat dalam lirik lagu P. Ramlee sehingga menimbulkan makna yang indah, bukan sahaja pada pendengaran semata-mata tetapi melalui makna yang terjelma berdasarkan susunan kata dalam bait lirik lagu tersebut. Dalam kajian tersebut, pengkaji dilihat lebih menekankan kepada aspek pemilihan kata dalam menyampaikan makna dengan menggunakan Teori Semantik.

Selain itu, terdapat juga kajian yang hanya memfokuskan kepada aspek jenis-jenis makna sahaja iaitu kajian yang dilakukan oleh Eddy Wiranata (2015) dan I Made Putra Adnyana (2014). Kedua-dua kajian ini mempunyai objektif yang sama iaitu melihat jenis-jenis simpulan bahasa dan makna yang terhasil daripada simpulan bahasa tersebut. Jenis-jenis simpulan bahasa dikenal pasti menggunakan teori Palmer (1976) dan dianalisis menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Leech (1974). Eddy Wiranata (2015) berpendapat bahawa makna simpulan bahasa memiliki hubungan dengan makna daripada lagu tersebut. Begitu juga dengan I Made Putra Adnyana (2014), yang mengatakan bahawa aspek makna daripada simpulan bahasa adalah ungkapan yang tidak mudah difahami oleh makna perkataan yang membentuknya. Namun begitu, kedua-dua kajian ini mempunyai kelompongan kerana hanya mengkategorikan penjenisan simpulan bahasa dan jenis-jenis maknanya sahaja tanpa menghuraikan dengan lebih mendalam makna tersebut.

Seterusnya, penelitian dilakukan terhadap kajian yang memfokuskan kepada aspek pemikiran seperti kajian yang dilakukan oleh Zulkifley Hamid dan Mohd. Asyraf Zulkifley (2014). Kajian tersebut dijalankan adalah untuk membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar tahun akhir Program Pengajian Bahasa Melayu, UKM. Hal ini kerana, pengkaji

mendapati bahawa tiada kursus tentang aspek tersebut yang ditawarkan secara khusus oleh pusat pengajian, fakulti atau peringkat universiti. Oleh itu, langkah ini dilihat dapat membantu kemahiran berfikir, namun pengkaji boleh melibatkan beberapa fakulti lain untuk melihat tahap pemikiran berdasarkan bidang yang berbeza. Pada tahun sebelumnya, iaitu tahun 2002, Zulkifley Hamid juga pernah menjalankan kajian mengenai *Pepatah-petitih Sebagai Cerminan Minda Masyarakat Minang* untuk memahami minda Melayu khususnya minda Melayu Minang. Merujuk kepada aspek kajian pemikiran tersebut, pengkaji hanya melihat jenis pemikiran tersebut digunakan dalam sesuatu karya ataupun masyarakat, tetapi tidak melihat corak pemikiran yang dihasilkan serta kaitannya antara kedua-dua aspek.

Justeru itu, secara keseluruhannya, dapat dilihat pengkaji-pengkaji lepas tidak membincangkan aspek makna dan pemikiran yang terdapat dalam sesuatu data secara mendalam. Pengkaji lepas hanya memfokuskan kepada penjenisan sahaja. Jenis-jenis pemikiran juga perlu dilihat pada aspek gaya pemikir tersebut menghasilkan pemikiran yang disampaikan terhadap sesuatu data. Segala isi atau bentuk pemikiran juga tidak boleh disampaikan tanpa kehadiran bahasa. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan menggabungkan kedua-kedua bidang semantik dan psikolinguistik bagi melihat kekuatan yang ada dalam sesebuah lirik lagu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjalankan analisis. Pendekatan kualitatif merujuk kepada pengamatan atau penelahan yang digunakan terhadap data yang dikaji. Sehubungan dengan itu, data yang dikumpulkan adalah berupa kata-kata dan bukannya angka-angka. Selain itu, secara tidak langsung kajian ini juga bersifat deskriptif iaitu bersifat menerangkan dan menghuraikan sesuatu yang tertumpu kepada kaedah analisis kandungan. Menurut Chua (2006) pendekatan kualitatif menghuraikan sesuatu fenomena dengan menggunakan data dalam bentuk deskriptif. Kajian deskriptif juga secara asasnya bertujuan untuk memberikan gambaran tepat terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu populasi (Sabitha Marican, 2012:24). Oleh itu, kaedah analisis merupakan kaedah yang paling sesuai untuk kajian ini iaitu menganalisis kandungan lirik-lirik lagu.

Data utama kajian ini diambil daripada lirik-lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Nurhaliza iaitu sebanyak 38 lirik lagu yang dipilih secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) daripada tahun 1996 hingga 2010. Justifikasi pemilihan data ini adalah kerana lirik-lirik tersebut berjaya mendapat tempat di hati pendengar dan pelbagai anugerah yang dimenangi oleh penulis-penulis lirik tersebut. Menurut Mohd Shaffie Abu Bakar (1991) pensampelan merupakan satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan kita membuat generalisasi mengenai populasi tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Geoffery Leech dalam buku *Semantics* yang dihasilkan pada tahun 1974. Leech (1974) membahagikan makna kepada tujuh jenis iaitu makna konseptual, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna reflektif, makna kolokatif dan makna tematik. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Edward De Bono pada tahun 1992 iaitu kaedah berfikir mengikut kaedah *Six Thinking Hats*. Seseorang penganalisis atau pemikir

disarankan agar berfikir menggunakan enam skema warna topi iaitu topi putih, topi merah, topi kuning, topi hitam, topi hijau dan topi biru. Kedua-dua pendekatan dan teori ini digunakan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan untuk melihat sama ada jenis-jenis makna tersebut merangkumi semua jenis warna topi dan sekaligus dapat melihat pemikiran yang digunakan melalui penggunaan jenis-jenis makna tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu pertama, adalah untuk menganalisis jenis-jenis makna perkataan dalam lirik-lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Nurhaliza. Kedua, mengenal pasti kategori gaya berfikir yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tersebut berdasarkan model *Six Thinking Hats*. Seterusnya, menghuraikan perkaitan antara jenis-jenis makna perkataan yang digunakan dengan pemikiran yang terserlah melalui lirik lagu-lagu tersebut. Hasil dapatan bagi objektif pertama menunjukkan bahawa terdapat enam jenis penggunaan makna daripada tujuh jenis yang telah dikemukakan oleh Leech (1974) iaitu makna konotatif, stilistik, afektif, reflektif, kolokatif dan tematik. Penggunaan jenis makna yang paling tinggi digunakan adalah makna kolokatif. Berikut merupakan contoh rangkap yang mengandungi penggunaan jenis makna kolokatif.

Jadual 1 Penggunaan makna jenis kolokatif

Contoh 1 (L5 R2 B3-5)
Dua wajah bertemu bagai ada tak kena Lidah menjadi kelu Jelinganmu itu <i>tajam menusuk</i> seluruh jiwaku

Berdasarkan jadual di atas, terdapat penggunaan makna kolokatif. Perkataan *tajam* dan perkataan *menusuk* merupakan rujukan atau petunjuk bagi penggunaan makna tersebut. Hal ini kerana kedua-dua perkataan tersebut mempunyai makna yang sama. Perkataan *tajam* membawa maksud hujung yang runcing sehingga mudah untuk memotong, mengerat dan melukai. Perkataan *menusuk* yang berasal daripada perkataan tusuk pula merupakan perbuatan mencucuk dengan barang yang tajam atau melukai dengan barang yang tajam. Penulis lirik bertindak untuk meletakkan perkataan tersebut secara berpasangan untuk memberikan penegasan dalam ayat tersebut. Rangkap ini memperlihatkan betapa tindakan jelingan oleh watak 'mu' benar-benar memberikan kesan yang paling mendalam sehingga tajam menusuk seluruh jiwa watak 'ku'. Perkataan *menusuk* sudah memberikan makna yang jelas betapa perkara tersebut memberikan tamparan yang hebat terhadap seseorang. Namun begitu, penulis lirik meletakkan perkataan *tajam* supaya dapat menimbulkan kesan yang lebih mendalam terhadap ayat tersebut. Oleh itu, dapat dilihat penggunaan makna kolokatif yang digunakan dalam lirik lagu tersebut bagi menggambarkan atau menimbulkan keadaan yang cuba dijelaskan.

Selain itu, penggunaan jenis makna konotatif paling sedikit digunakan dalam data kajian. Berikut merupakan contoh bagi rangkap yang mempunyai jenis makna konotatif.

Jadual 2 Penggunaan makna jenis konotatif

Contoh 1 (L34 R4 B1-4)
Aku memang <i>tak bisa bertahan</i> dan <i>tegar</i> Tanpa kalian dekat denganku Aku hanya susuk manusia yang <i>lemah</i> Tanpa kalian di sini

Berdasarkan contoh rangkap lirik tersebut, terdapat penggunaan makna konotatif iaitu sesuatu perkataan yang diberikan sifat tambahan serta bukan makna sebenar. Perkataan manusia merujuk kepada makhluk yang mempunyai akal budi, insan atau orang. Namun begitu perkataan manusia diberikan sifat tambahan yang membolehkan perkataan tersebut dikategorikan dalam jenis makna konotatif. Makna-makna tambahan tersebut mewakili maklumat mengenai sifat-sifat manusia untuk memperlihatkan betapa watak manusia tersebut tidak boleh berdiri sendiri tanpa kehadiran orang lain. Penulis lirik dilihat cuba mendominasi rangkap tersebut dengan kelemahan yang merangkumi sifat watak manusia. Hal ini kerana ayat dalam baris ketiga, perkataan manusia diberikan sifat tambahan seperti sifat *lemah*. Selain itu, berdasarkan keseluruhan rangkap, terdapat juga sifat lain yang merujuk kepada manusia iaitu *tidak boleh bertahan* dan *keras hati*. Hal ini bagi membangkitkan situasi negatif tersebut terhadap manusia. Makna-makna tambahan yang diberikan mampu membuktikan bahawa watak manusia sangat bergantung kepada orang lain. Oleh itu, penggunaan jenis makna konotatif memberikan kesan jelas terhadap subjek yang dirujuk.

Secara tidak langsung, dapat diandaikan bahawa makna kolokatif mempunyai penggunaan yang tinggi kerana kebiasaannya lirik lagu menggambarkan sesuatu keadaan berlebihan daripada makna sebenar. Penulis lirik sengaja menggunakan jenis makna tersebut untuk memberikan penekanan yang lebih mendalam terhadap apa yang cuba disampaikan. Makna konotatif kurang digunakan dalam data kajian kerana lirik lagu merupakan medium untuk menyampaikan atau meluahkan perasaan terhadap seseorang. Biasanya lirik lagu juga merupakan sesuatu kisah yang mempunyai jalan ceritanya dan latar belakang, bukan untuk menghuraikan sesuatu perkara dengan memberikan maklumat-maklumat tambahan berkaitannya. Namun begitu, jenis makna konseptual langsung tidak digunakan dalam data kajian kerana hanya melibatkan makna-makna konsep dan umum sahaja.

Selain itu, hasil kajian bagi objektif kedua menunjukkan bahawa keenam-enam skema warna topi atau gaya berfikir tersebut terserlah melalui bait-bait lagu yang diaplikasikan melalui penggunaan jenis-jenis skema berfikir tersebut. Berikut merupakan contoh kategori gaya berfikir yang paling tinggi diaplikasikan dalam data kajian.

Jadual 3 Gaya berfikir menggunakan skema warna topi merah

Contoh 3 (L23 R2 B1-4)
Perasaan ku terpinggir dan menyepi Kehilanganmu amat menyakitkan Di dalam jiwa ini masih tak mengerti Aku rindu belaian kasihmu

Jadual di atas merupakan contoh pemikiran yang menggunakan kategori gaya berfikir mengikut warna topi merah. Hal ini kerana, keseluruhan rangkap tersebut dengan jelas memperlihatkan wujudnya unsur perasaan dan emosi. Jenis makna yang digunakan dalam rangkap tersebut juga merupakan makna afektif yang melibatkan unsur perasaan iaitu perasaan *terpinggir* dan *menyepi*. Secara tidak langsungnya, penggunaan jenis makna tersebut mempunyai kaitan yang erat dengan gaya berfikir yang memfokuskan kepada unsur perasaan dan emosi. Penggunaan perkataan *perasaan* pada permulaan rangkap membuatkan rangkap tersebut dapat difahami oleh pembaca atau pendengar mengenai latar yang cuba diketengahkan dalam rangkap tersebut. Rangkap tersebut juga tidak melibatkan unsur lain melainkan berkaitan dengan emosi dan perasaan sahaja dengan mengimajinasikan perasaan cinta dan kasih yang mendalam. Hal ini bertepatan dengan fungsi lirik lagu iaitu untuk menyampaikan luahan perasaan dan emosi terhadap subjek atau perkara yang dirujuk.

Gaya berfikir ini paling tinggi digunakan yang bersesuaian dengan fungsi lirik lagu tersebut. Hampir keseluruhan data menyerlahkan pemikiran yang dikuasi oleh unsur perasaan dan emosi sehingga mengetepikan pemikiran rasional. Menurut Semi (1988) lirik adalah puisi pendek yang mengekspresikan emosi. Hal ini juga memberikan tanggapan terhadap lirik-lirik lagu nyanyian Dato' Siti Nurhaliza yang mampu bertahan sehingga hari ini. Melalui skema ini, semua aspek emosi akan diambil kira dalam pembuatan keputusan atau lakuan berfikir tanpa melibatkan aspek-aspek yang lain. Manfaat yang diterima oleh khalayak adalah aspek emosi diberikan perhatian iaitu lakuan berfikir hanya memfokuskan kepada aspek tersebut sahaja.

Kategori gaya berfikir yang menggunakan warna topi hijau memiliki penggunaan yang paling rendah iaitu hanya melibatkan satu rangkap sahaja. Berikut merupakan contoh rangkap yang memperlihatkan pemikiran yang berasaskan warna topi hijau.

Jadual 4 Gaya berfikir menggunakan skema warna topi hijau

Contoh 4 (L16 R2 B1-5)
Gelora rindu Buat ku merasa tersiksa Jauh darinya Andai ku punya sayap Kau di bulan akan ku jelang



Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat terdapat tindakan yang dilakukan seiring dengan ciri lakuan berfikir mengikut warna topi hijau. Warna hijau melambangkan otak yang subur dengan idea-idea baru untuk membantu bergerak ke hadapan dalam menjanakan alternatif yang lebih baik berbanding idea asal. Kategori gaya berfikir ini kurang digunakan kerana penghasilan lirik lagu tidak melibatkan pembuatan keputusan sebaliknya hanya mengisarkan isu-isu yang terjadi dalam kehidupan seharian dan menceritakan kisah percintaan. Penulis lirik tidak mencipta lirik-lirik yang mempunyai konteks penghasilan idea baru. Hal ini kerana menyukarkan mesej yang hendak disampaikan. Skema topi hijau ini sekiranya digunakan akan mendapat manfaat daripada pelbagai idea, pemikiran, ilmu atau maklumat terkini yang sesuai digunakan dalam sesuatu perbincangan atau untuk menyelesaikan masalah.

Seterusnya, objektif ketiga yang melibatkan analisis terhadap objektif pertama dan kedua iaitu menghuraikan perkaitan antara kedua-dua aspek yang dibincangkan menunjukkan bahawa aspek tersebut mempunyai perkaitan. Contohnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa makna afektif telah melibatkan empat kategori gaya berfikir. Seperti yang diketahui makna afektif melibatkan unsur perasaan, begitu juga dengan kategori gaya berfikir yang menggunakan warna topi merah. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua aspek ini mempunyai kaitan yang sangat erat kerana masih melibatkan perbincangan dalam landasan yang sama iaitu mengambil kira aspek perasaan. Apabila jenis makna afektif digunakan secara automatik akan melibatkan gaya berfikir mengikut warna topi merah.

Namun begitu, berdasarkan data kajian, penggunaan jenis makna afektif bukan sahaja melibatkan gaya berfikir mengikut warna topi merah tetapi merangkumi warna topi biru, warna topi putih dan warna topi hijau. Hal ini membuktikan bahawa terdapatnya penguasaan yang tinggi dalam mengaplikasikan gaya berfikir mengikut teori *Six Thinking Hats* kerana penulis lirik dapat bertindak mengikut situasi. Misalnya, penulis lirik bertukar membuat lakuan fikiran mengikut warna topi biru daripada warna topi merah sekiranya dalam penggunaan jenis makna afektif tersebut perlu membuat lakuan berfikir yang melibatkan tindakan membuat keputusan ataupun hala tuju berdasarkan makna afektif yang terhasil. Tindakan ini juga menunjukkan bahawa penulis lirik dapat memberikan fokus terhadap sesuatu kerana manusia tidak boleh mengaplikasi semua jenis topi dalam satu masa atau keadaan sahaja. Hal ini bertepatan dengan teori *Six Thinking Hats* yang berfikiran selari, sejajar dan menyuruh dengan melibatkan semua sudut pandangan atau aspek dalam membuat keputusan.

Berikut merupakan keseluruhan hasil dapatan yang menunjukkan perkaitan antara jenis-jenis makna yang digunakan dengan gaya berfikir penulis lirik. Kesemua gaya berfikir tersebut diaplikasikan dalam jenis-jenis makna yang digunakan. Namun begitu, tidak semua kategori boleh diaplikasikan terhadap semua jenis makna yang digunakan.

Jadual 5 Perkaitan antara jenis makna dengan gaya berfikir

BIL.	JENIS MAKNA	KATEGORI GAYA BERFIKIR
1	Makna Konotatif	Warna topi hitam
		Warna topi putih
2	Makna Stilistik	Warna topi merah
		Warna topi putih
		Warna topi kuning
		Warna topi biru
		Warna topi hitam
3	Makna Afektif	Warna topi biru
		Warna topi putih
		Warna topi merah
		Warna topi hijau
4	Makna Refleksi	Warna topi merah
		Warna topi kuning
		Warna topi biru
5	Makna Kolokatif	Warna topi merah
		Warna topi hitam
		Warna topi kuning
6	Makna Tematik	Warna topi biru
		Warna topi merah
		Warna topi putih
		Warna topi kuning
		Warna topi hijau

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian yang dilakukan dapat disimpulkan bahawa aspek makna dan pemikiran merupakan elemen yang penting untuk melihat penguasaan gaya berfikir mengikut jenis makna yang terhasil. Selain itu, dapat dikatakan bahawa kedua-dua aspek tersebut penting dalam penghasilan lirik lagu untuk melihat kekuatan lirik yang mampu bertahan lama dalam industri muzik dan malar segar dalam ingatan pendengar serta pembaca.

Bahasa tidak terbatas hanya untuk berkomunikasi atau menyampaikan idea dengan pihak lain bahkan bahasa yang baik dapat digunakan dalam penyampaian idea melalui lirik-lirik lagu yang disusuli dengan makna-makna tertentu. Kebiasaanya, lirik lagu memperlihatkan luahan cinta terhadap kekasih, namun begitu perasaan cinta bukan sahaja terbatas untuk orang yang dicintai malahan merangkumi semua subjek dan objek yang berada disekelilingi kita terutamanya cinta yang paling mulia iaitu cinta kepada Tuhan. Perenggu minda orang Melayu tentang cinta, kekeluargaan dan kemasyarakatan dapat diserlahkan dengan jelas oleh lagu-lagu yang dinyanyikan oleh Dato' Siti Norhasliza. Lagu-lagu yang puitis dan indah, serta dinyanyikan pula dengan merdu tentu sekali mencitrakan dengan jelas perenggu minda orang Melayu tentang cinta, persahabatan dan kesetiaan.

Selain itu, kajian seperti ini perlu diteruskan kerana lirik lagu bukan sekadar hiburan semata-mata untuk menyedapkan telinga pendengar sahaja, bahkan sebagai suri teladan kepada masyarakat yang menerapkan konsep budi, nasihat dan pengalaman. Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa lagu yang bersifat holistik, lirik yang indah dan bersifat mendidik pendengar akan diterima secara terbuka dan meluas oleh masyarakat tanpa sebarang tentangan yang tidak baik. Oleh itu, lirik lagu dapat menjadi sumber rujukan atau teladan kepada generasi akan datang bagi melihat corak kehidupan masyarakat dahulu yang digambarkan melalui lirik-lirik lagu. Justeru, kajian seperti ini dapat diaplikasikan dalam penghasilan lirik lagu malahan dalam bidang-bidang linguistik dan psikolinguistik yang lain. Justeru itu, secara tidak langsungnya kajian ini juga dapat menyumbangkan atau memperkayakan lagi kajian tentang makna dan pemikiran agar dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji akan datang. Bahasa Melayu amat penting bagi masyarakat Malaysia kerana ia merupakan salah satu unsur atau komponen teras dalam pembinaan masyarakat Malaysia (Zulkifley Hamid 2012). Bahasa Melayu mendukung pelbagai fungsi teras atau utama dalam menjamin keutuhan struktur masyarakat Malaysia. Oleh demikian, pelbagai aspek bahasa Melayu perlu dikaji dengan lebih menyeluruh dan mendalam. Khazanah bahasa Melayu yang tersimpan dalam pelbagai bentuk adalah cerminan perenggu minda dan kehidupan orang Melayu.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Akademia.
- Adnyana, I Made Putra. (2014). Types and Meanings Of Idiom In The Song Albums Of Oasis And Guns N'roses. *HUMANIS*, 6(3): 1-9.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu abad ke-16: satu analisis berdasarkan teks Melayu 'Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bayu Angin. (1996). Ziana Zain dan Amy Mastura dalam Nyanyian. *Pelita Bahasa*, 8(7): 3-4.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.

- De Bono, E. (1992). *Six thinking hats for schools*. Melbourne: Hawker Brownlow Pty Ltd.
- Hawa Mahfuzah & Zulkifley Hamid. (2015). Akal Budi dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu* 14 (2): 260-273.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Unsur Asam dan Akal Budi Melayu. Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 28 September 2015.
- Lirik Lagu. t.th. <http://liriksemualagu.blogspot.my/2010/02/semua-lirik-lagu-siti-nurhaliza.html>. [15 Julai 2016].
- Leech, G. (1974). *Semantics*. England: Penguin Books Ltd.
- Lyons, J. (1994). *Bahasa dan Linguistik: Suatu Pengenalan*. Terj. Ramli Salleh & Toh Kim Hoi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. (1991). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (1994). Bahasa Dalam Lagu. *Pelita Bahasa*. April: 28-29.
- Nor Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim Salleh. (2014). Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(1): 103-111.
- Sabitha Marican. (2012). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Semi, M. A. (1988). *Anatomi Sastera*. University of Michigan: Angkasa Raya.
- Sudirman Mohd Tahir. (2016). Kualiti Ekspres: Lirik Sekarang Lebih Ringkas. *Berita Online My Metro*, 27 Julai. [www.hmetro.com.my/node/51088](http://www.hmetro.com.my/node/51088).
- Suwardi, MS. (1991). *Budaya Melayu Dalam Perjalanannya Menuju Masa Depan*. Pekan Baru: Yayasan Penerbit MSI.
- Terre Blanche, M., & Durrheim, K. (1999). Histories of the present: Social science research in context. *Research in practice - Applied methods for the social sciences*, 2: 1-17.
- Wiranata, Eddy. (2015). Types and Meanings Of Idiomatic Expressions In Forever The Sickest Kids' album "Underdog Alma Mater". *HUMANIS*, 11(1): 1-8.
- Zulkifley Hamid dan Mohd Asyraf. (2014). Membina Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Holistik Dalam Kalangan Pelajar Menggunakan Modul Edward De Bono. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*. 9(2): 001-013.

Zulkifley Hamid. 2012. Keupayaan berbahasa Melayu dalam kerangka satu Malaysia. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1): 224-234

Zulkifley Hamid. (2002). Pepatah-Petitih Sebagai Cerminan Minda Melayu Minang. Dlm. Santri Yunizarti dan Media Sandra Kasih (eds.). *Menelusuri jejak Melayu-Minangkabau*, Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia: 171-181.

Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria  
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi Selangor.  
Correspondence: Prof. Dr. Zulkifley Hamid – [Zulkifley@ukm.edu.my](mailto:Zulkifley@ukm.edu.my)